



KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	7/7/2018	MUKA SURAT	:	36
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Perhilitan tumpas kegiatan pemburu haram

KUALA LUMPUR - Operasi khas Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Pahang di Kuala Lipis pada Rabu membongkar kegiatan pemburuan haram oleh sekumpulan enam warga Vietnam dengan rampasan kulit dan anggota haiwan liar bernilai RM500,000.

Ketua Pengarah Perhilitan Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata empat lelaki dan dua wanita dalam lingkungan usia 20 hingga 40 tahun itu merupakan pekerja sebuah kilang papan di situ dengan harimau menjadi sasaran utama aktiviti haram mereka.

Mereka turut menjadi orang tengah dalam menyeludup ke luar negara anggota dan bahagian-bahagian berharga haiwan liar, katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Perhilitan di sini, semalam.

Menurutnya, pemeriksaan di tempat kerja mereka menemui dua keping kulit harimau belang yang lengkap, 10 kepingan kecil kulit harimau belang dan sekeping

lengkap kulit harimau dahan.

Antara lain, turut dirampas adalah 27 taring dan kuku beruang, empat tanduk kambing gurun, sekeping kulit ular sawa, 12 taring babi hutan dan kira-kira 39 kilogram daging hidupan liar serta tiga utas jerat dawai.

"Siasatan mendapati semua orang yang ditahan itu mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan dipercayai aktif menjalankan aktiviti pemburuan haram ini sejak tiga tahun lepas.

"Kami percaya suspek menggunakan jerat yang diletakkan di tepi kawasan hutan di Taman Negara untuk memerangkap dan membunuh hidupan liar itu," katanya.

Abdul Kadir berkata, semua suspek ditahan reman di Balai Polis Kuala Lipis sehingga Rabu depan untuk membantu siasatan.

Kes disiasat di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) kerana memburu hidupan liar yang dilindungi memiliki jerat. - *Bernama*